

Terma dan Syarat untuk Tempahan Kenderaan Dalam Talian melalui Mitsubishi Online Showroom ("MOS")

1. Tempahan Kenderaan Dalam Talian

- 1.1** Jika anda ingin menempah kenderaan yang serupa atau hampir serupa dengan yang diterangkan di laman web ("**Platform Tempahan Dalam Talian**"), sila klik butang "Tempah Sekarang". Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd. ("**MMM**") dan/atau pengedar sah Mitsubishi Motors (termasuk penasihat / perunding jualannya) ("**Pengedar Sah**") berhak untuk mengubah suai harga dan spesifikasi produk yang dipaparkan tanpa notis terlebih dahulu dan/atau menolak sebarang tempahan dalam talian yang dibuat di Platform Tempahan Dalam Talian ("**Tempahan Dalam Talian**") pada bila-bila masa.
- 1.2** Selepas menekan butang "Tempah Sekarang", anda perlu membayar yuran tempahan yang diperlukan (dalam Ringgit Malaysia sahaja) untuk kenderaan pilihan anda ("**Yuran Tempahan**"). Sila ambil perhatian bahawa pembayaran Yuran Tempahan tidak membentuk kontrak pembelian yang sah. Pembayaran Yuran Tempahan adalah untuk menunjukkan minat anda yang tulen untuk membeli kenderaan yang serupa dengan yang diterangkan dalam Platform Tempahan Dalam Talian.
- 1.3** Tempahan anda akan tetap sah selama tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pembayaran Yuran Tempahan dan tempoh tersebut tidak boleh dilanjutkan. Setelah Yuran Tempahan diterima, anda akan menerima resit rasmi pembayaran melalui e-mel dari MMM, bagi pihak Pengedar Sah pilihan anda, yang akan menghubungi anda dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pembayaran Yuran Tempahan. Penjualan kenderaan tertakluk kepada ketersediaan stok dan penerimaan Yuran Tempahan anda tidak menjamin ketersediaan stok. MMM dan Pengedar Sah berhak, atas budi bicara mutlak mereka, untuk menolak atau membatalkan sebarang tempahan.
- 1.4** Sekiranya anda tidak dihubungi oleh Pengedar Sah dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pembayaran Yuran Tempahan, anda dinasihatkan untuk menghantar e-mel kepada MMM dengan segera di contactus@mitsubishi-motors.com.my. Untuk mengelakkan keraguan, MMM hanya bertindak sebagai fasilitator dalam proses Tempahan Dalam Talian dan pembayaran Yuran Tempahan.
- 1.5** Jika kontrak pembelian yang sah tidak dilaksanakan dalam masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pembayaran Yuran Tempahan dan anda ingin membatalkan tempahan, Yuran Tempahan akan dikembalikan kepada anda. Sekiranya harga pembelian untuk kenderaan yang ditempah dikemas kini, anda akan dimaklumkan tentang harga kemas kini tersebut dan jika perlu, anda perlu membayar perbezaan antara Yuran Tempahan yang dikemas kini dan Yuran Tempahan yang dibayar semasa melaksanakan kontrak pembelian di Pengedar Sah pilihan anda. Selepas pelaksanaan kontrak pembelian, Yuran Tempahan yang dibayar akan digunakan untuk mengurangkan harga pembelian keseluruhan dengan jumlah yang sama dengan Yuran Tempahan yang dibayar, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan.

1.6 Jika atas apa sebab pun, MMM membuat sebarang perubahan dalam spesifikasi kenderaan dan/atau menghentikan pengeluaran dan/atau pembekalan model kenderaan yang ditembah oleh anda yang mengakibatkan Pengedar Sah tidak dapat menjual dan/atau membuat penghantaran kenderaan kepada anda, MMM dan/atau Pengedar Sah tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan apa pun. Anda akan dimaklumkan mengenai perubahan tersebut dengan spesifikasi kenderaan yang ditembah oleh anda dan anda akan ditawarkan spesifikasi dan harga model lain yang tersedia di Malaysia untuk pertimbangan dan pengesahan pembelian anda dalam masa tujuh (?) hari bekerja.

2. Terma Pembayaran Yuran Tempahan

- 2.1** Pembelian kenderaan yang ditembah oleh anda hendaklah dijalankan dan diselesaikan dengan Pengedar Sah yang dipilih oleh anda setelah pembayaran Yuran Tempahan. Untuk tujuan pembayaran Yuran Tempahan, anda akan diarahkan ke laman web pihak ketiga iaitu iPay88 untuk melengkapkan proses pembayaran Yuran Tempahan di mana terma dan syarat iPay88 akan terpakai.
- 2.2** Kaedah pembayaran yang tersedia untuk Yuran Tempahan adalah kad kredit dan kad debit Visa dan MasterCard, pembayaran FPX dan E-Wallet.
- 2.3** Kad kredit yang dikeluarkan oleh bank luar negara/asing tidak diterima.
- 2.4** Pembayaran ansuran melalui kaedah pembayaran kad kredit tidak tersedia di Platform Tempahan Dalam Talian buat masa ini.
- 2.5** Meskipun resit rasmi pembayaran melalui e-mel dari MMM telah dikeluarkan, penyelesaian Yuran Tempahan yang dibayar oleh anda adalah tertakluk kepada pengesahan pelepasan bank oleh Pengedar Sah.
- 2.6** Kenderaan kekal sebagai harta milik MMM atau Pengedar Sah sehingga harga pembelian keseluruhan diselesaikan sepenuhnya.

3. Syarat Kelayakan

- 3.1** Platform Tempahan Dalam Talian ini terbuka kepada semua warganegara dan penduduk Malaysia yang memiliki Kad Pengenalan Nasional (NRIC) yang sah (untuk warganegara Malaysia) atau pasport (untuk bukan warganegara Malaysia).
- 3.2** Nama penuh dan nombor NRIC atau nombor pasport yang dinyatakan dalam kontrak pembelian yang sah dan untuk pendaftaran kenderaan mesti sama dengan nama penuh dan nombor NRIC atau nombor pasport yang dikemukakan oleh anda semasa Tempahan Dalam Talian melalui Platform Tempahan Dalam Talian.
- 3.3** Tempahan Dalam Talian tidak boleh dipindah milik kecuali kepada waris terdekat anda dengan syarat dokumen sokongan yang diperlukan sebagai bukti hubungan diserahkan kepada Pengedar Sah dan tertakluk kepada kelulusan MMM atau Pengedar Sah atas budi bicara mutlak mereka.

4. Polisi Bayaran Balik

- 4.1** Jika anda ingin membatalkan Tempahan Dalam Talian, anda dinasihatkan untuk merujuk perkara ini secara bertulis kepada Pengedar Sah pilihan anda dengan kenderaan yang ditempah ("**Permohonan Pembatalan Rasmi**").
- 4.2** Bayaran balik Yuran Tempahan akan dibuat kepada anda sepenuhnya berdasarkan Yuran Tempahan yang telah dibayar oleh anda (tertakluk kepada pengesahan pelepasan bank oleh Pengedar Sah) dengan syarat Pengedar Sah telah menerima Permohonan Pembatalan Rasmi anda secara bertulis. Bayaran balik Yuran Tempahan akan diproseskan kepada anda dalam masa enam puluh (60) hari bekerja dari tarikh penerimaan Permohonan Pembatalan Rasmi anda secara bertulis.
- 4.3** Jika anda tidak dapat menghubungi Pengedar Sah pilihan anda atas apa jua sebab, anda dinasihatkan untuk segera menghubungi MMM di contactus@mitsubishi-motors.com.my.

5. Harga, Spesifikasi & Gambar Kenderaan

- 5.1** Harga kenderaan yang dipaparkan adalah anggaran harga pembelian kenderaan (tidak termasuk insurans) yang perlu dibayar oleh anda kepada Pengedar Sah pilihan anda untuk pembelian kenderaan ("**Harga Atas Jalan**"). Harga kenderaan yang dipaparkan tidak mengikat kepada MMM dan Pengedar Sah dan tertakluk kepada pelaksanaan kontrak pembelian yang sah. Pengubahsuaian pada konfigurasi atau pilihan kenderaan anda juga boleh menyebabkan variasi harga.
- 5.2** Maklumat yang digunakan untuk mengira anggaran Harga Atas Jalan mungkin berasal dari sumber pihak ketiga, dan ketepatan mutlak tidak dapat dijamin. Harga kenderaan juga mungkin berbeza bergantung kepada sama ada kenderaan tersebut dibeli di zon bercukai atau bebas cukai, contohnya, Langkawi dan Labuan.
- 5.3** Gambar kenderaan yang dipaparkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin termasuk aksesori, ciri khas atau peralatan yang bukan sebahagian daripada spesifikasi penghantaran standard. Sila sahkan spesifikasi kenderaan dengan Pengedar Sah pilihan anda sebelum menandatangani sebarang kontrak pembelian. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, MMM dan Pengedar Sah menafikan sebarang tanggungjawab atau liabiliti atas sebarang pergantungan pada maklumat yang diterbitkan di sini, Platform Tempahan Dalam Talian dan MOS.

6. Lain-lain

- 6.1** Terma dan Syarat untuk Tempahan Kenderaan Dalam Talian melalui MOS yang terkandung di sini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa eksklusif.
- 6.2** MMM, syarikat-syarikat bersekutu dan Pengedar Sahnya, serta pekerja, pegawai, dan pengarah masing-masing tidak akan bertanggungjawab dengan apa cara pun untuk: (a) sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh anda; (b) sebarang kegagalan teknikal pada Platform Tempahan Dalam Talian atau pembayaran Yuran Tempahan; (c) campur tangan oleh pihak yang tidak dibenarkan pada Platform Tempahan Dalam Talian; (d) kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran

Platform Tempahan Dalam Talian dan/atau pemprosesan Yuran Tempahan; dan (e) sebarang Yuran Tempahan yang hilang, dicuri, dibayar dengan salah atau tidak diterima oleh MMM atau Pengedar Sah.

- 6.3** Dengan mengakses atau menggunakan Platform Tempahan Dalam Talian, anda bersetuju bahawa anda tidak akan membuat sebarang tuntutan, tindakan atau prosiding terhadap MMM, syarikat-syarikat bersekutu dan Pengedar Sahnya, serta pekerja, pegawai, dan pengarah masing-masing sama ada dalam kontrak atau sebaliknya dan MMM, syarikat-syarikat bersekutu dan Pengedar Sahnya, serta pekerja, pegawai, dan pengarah masing-masing tidak akan bertanggungjawab atas sebarang liabiliti, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan.
- 6.4** MMM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, punitif, kebetulan, berbangkit atau apa-apa kerugian atau kerosakan lain yang timbul daripada penggunaan atau ketidakupayaan untuk menggunakan Platform Tempahan Dalam Talian atau akses yang tidak dibenarkan kepada sama. Semua penggunaan Platform Tempahan Dalam Talian ini adalah atas risiko anda sendiri.
- 6.5** MMM tidak akan dianggap gagal melaksanakan mana-mana kewajipannya di sini jika kegagalan atau kelewatan untuk melaksanakan kewajipan tersebut disebabkan oleh sebarang kejadian di luar kawalan MMM, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kegagalan sebahagian daripada grid kuasa, kegagalan Internet, bencana alam, perang, rusuhan, pemberontakan, wabak, pandemik, mogok atau tindakan buruh yang teratur, aktiviti pengganas, atau kejadian lain yang seumpama atau jenis yang mana langkah berjaga-jaga tidak diambil secara umum dalam industri.
- 6.6** MMM tidak menjamin atau mewakili bahawa penyediaan Platform Tempahan Dalam Talian akan tidak terganggu, bebas daripada kesilapan, atau benar-benar selamat walaupun MMM akan memastikan langkah-langkah yang munasabah diambil untuk mengekalkan ketepatan semua data yang dipersembahkan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, MMM menafikan sebarang dan semua jaminan termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan tersirat mengenai kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu dan tidak melanggar hak. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, semua perkhidmatan disediakan berdasarkan 'as-is'.
- 6.7** MMM berhak untuk menambah, memvariasikan, mengubah atau memadam mana-mana Terma dan Syarat untuk Tempahan Kenderaan Dalam Talian melalui MOS ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.